

06 JUL 2002
BSKL-MINGGUAN/I
BSKL MUNGKIN TERUSKAN KENAIKAN MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Aktiviti dagangan spekulatif yang telah menaikkan harga-harga saham minggu ini mungkin berterusan minggu depan setelah pembelian saham-saham murah tidak berkurangan pada hari Jumaat.

Para peniaga berkata minat telah kembali ke bursa tempatan setelah ketidaktentuan mengenai peralihan kepimpinan negara telah dijelaskan berikutan kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu ini.

Dr Mahathir, yang kembali dari percutian di luar negara Rabu lepas, telah mengesahkan sekali lagi bahawa Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menggantikan beliau apabila beliau bersara dalam masa 16 bulan lagi.

Perdana Menteri, yang memberi jaminan bahawa polisi semasa akan dikekalkan secara interim, juga menyatakan bahawa Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak mungkin menjadi Timbalan Perdana Menteri apabila beliau (Dr Mahathir) bersara.

Sementara itu, penyenaian Maxis Communications yang ditunggu-tunggu pada Isnin juga mendorong sentimen bursa dan kenaikan jangkaan dalam keseluruhan pasaran minggu depan. Terlebih langganan saham Maxis dan permintaan yang kukuh dari para pelabur institusi untuk saham ini telah membantu minat belian minggu ini.

Seorang penganalisis bagaimanapun berkata prestasi sebenar Maxis pada Isnin tidak mudah untuk diunjurkan setelah skandal perakaunan WorldCom Inc menjejaskan penilaian syarikat-syarikat telekomunikasi seluruh dunia.

Beliau juga berkata kemunculan pertama Maxis yang kukuh adalah penting bagi pasaran untuk mengekalkan kenaikannya minggu depan.

Sepanjang minggu, Indeks Komposit melonjak 19.8 mata kepada 744.62, Indeks Emas naik 4.77 mata kepada 181.27, Indeks Papan Kedua menokok 3.19 mata kepada 123.03 dan Indeks Perindustrian naik 35.93 mata kepada 1,450.53.

Jumlah dagangan pasaran ialah pada 865.972 juta bernilai RM1.880 bilion, lebih rendah daripada minggu sebelumnya sebanyak 1.137 bilion saham bernilai RM3.175 bilion.

Di Papan Utama, jumlah dagangan susut kepada 728.919 juta saham bernilai RM1.681 bilion daripada 1.023 bilion saham bernilai RM3.001 bilion.

Jumlah dagangan Papan Kedua meningkat kepada 129.294 juta saham bernilai RM190.410 juta daripada 111.016 juta saham bernilai RM172.274 juta.

Urus niaga luar pasaran naik kepada 87.687 juta saham bernilai RM214.183 juta, lebih tinggi daripada 68.444 juta saham bernilai RM193.347 juta sebelumnya.

Dagangan di pasaran MESDAQ adalah lebih tinggi pada 7.760 juta lot bernilai RM7.709 juta berbanding dengan minggu sebelumnya 2.803 juta lot bernilai RM1.155 juta.

Antara peneraju dagangan, Pantai Holdings-Hak Pinjaman naik dua sen kepada lapan sen dengan 31.834 juta saham diniagakan, Berjaya Group-Warran tidak berubah pada tujuh sen (28.674 juta saham), Arab-Malaysian Corporation untung empat sen kepada RM1.45 (19.102 juta saham), Renong menokok tiga sen kepada 95 sen (18.228 juta saham) dan Gula Perak kekal pada RM1.19 (16.491 juta saham).

Technology Resources Industries, yang kawalan pengurusannya bertukar tangan kepada pemegang saham terbesarnya, Telekom Malaysia, menokok dua sen kepada RM2.54 (16.023 juta saham). Telekom Malaysia sendiri naik 16 sen pada RM8.05.

Yang lain, Anson Perdana tidak berubah pada RM1.05 (15.981 juta saham), Malaysian Resources Corporation naik enam sen kepada RM1.41 (13.673 juta saham), IOI Corporation menokok 10 sen kepada RM6.30 (12.659 juta saham) dan Gula Perak-warran 2001/2005 kekal pada 87 sen (12.491 juta saham).

Saham-saham mewah, Maybank naik 30 sen kepada RM9.10 dan Tenaga Nasional menokok 20 sen kepada RM1.20.

Minggu yang baru berakhir menyaksikan penyenaaraan Stone Master Corporation (SMC) pada RM1.15 pada Isnin dengan premium sifar, YTL e-Solutions pada RM1.20 pada Selasa bagi premium 10 sen dan Huat Lai Resources pada RM1.44 pada Rabu dengan premium empat sen.

SMC, di papan kedua, mengakhiri minggu pada RM1.18; YTL e-Solutions, kaunter komponen pasaran MESDAQ pada RM1.21 dan Huat Lai Resources, juga dipapan kedua pada RM1.32.

Mengikut sektor, barangan pengguna menguasai 24.525 juta saham yang diniagakan di Papan Utama, barangan perindustrian 70.148 juta, pembinaan 50.025 juta, dagang/perkhidmatan 164.044 juta, teknologi 5,378 juta, infrastruktur 4.524 juta, kewangan 105.755 juta, hotel 21.119 juta, hartanah 85.404 juta, perladangan 22.732 juta, perlombongan 4.523 juta, amanah 397,000, tertutup/dana 137,000, pinjaman 7.356 juta dan PN4 Condition 5.255 juta. -- BERNAMA

MAD SHY NHD